

Skim Subsidi Dalam Usaha Membasmi Kemiskinan Petani Padi di Kawasan Pengairan Muda: Analisis Kualitatif

Zulkifli Abdul Rahim

Nor Asmat Ismail

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

Kawasan Muda merupakan salah satu kawasan jelapang padi utama di Malaysia. Kawasan ini merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran beras negara. Pelbagai usaha dan pendekatan melalui perbelanjaan kerajaan (subsidi) telah dilaksanakan bagi memastikan kawasan ini terus menyumbang hasil pengeluaran beras kepada negara. Kertas kerja ini bersifat kualitatif dan bertujuan untuk melihat keberkesanan skim subsidi padi yang telah diberikan oleh kerajaan terhadap perubahan hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani di kawasan Pengairan Muda. Antara skim subsidi yang dikaji termasuklah harga minimum terjamin, skim subsidi harga padi, skim subsidi baja padi, insentif pengeluaran padi, insentif peningkatan hasil dan insentif pengeluaran benih padi sah. Penelitian daripada kajian lepas mendapati bahawa skim subsidi padi diperlukan bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan petani di kawasan Pengairan Muda secara khususnya dan di jelapang padi yang lain secara amnya. Bagi menjayakan matlamat ini, perbelanjaan kerajaan perlu diteruskan menerusi skim subsidi padi bagi meningkatkan pengeluaran padi sekaligus dapat meningkatkan pendapatan petani padi melalui program pembangunan dan penyelidikan yang holistik.

Kata kunci: Pengairan Muda, perbelanjaan kerajaan, skim subsidi padi

PENGENALAN

Perbelanjaan kerajaan merupakan salah satu alat penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Perbelanjaan kerajaan merangkumi peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi menjalankan pelbagai projek kerajaan dengan hasrat dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Secara umumnya, perbelanjaan kerajaan dapat dibahagikan kepada dua iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus ialah perbelanjaan semasa atau berulang bagi membiayai pengurusan dan pentadbiran negara. Ini termasuklah perbelanjaan untuk membayar gaji (emolumen) kakitangan awam, bayaran khidmat hutang, pencen dan ganjaran, pemberian subsidi kepada pengeluar dan pengguna, dan pemberian dan serahan kepada Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan pula merupakan perbelanjaan pelaburan atau modal bagi menjalankan projek-projek pembangunan ekonomi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan modal untuk sektor-sektor ekonomi seperti sektor perkhidmatan sosial, sektor ekonomi, sektor keselamatan dan sektor pentadbiran awam (Fauzi Hussin, 2009).

Perbelanjaan kerajaan melalui subsidi khususnya adalah diperlukan dan sangat penting bagi memperbaiki kebijakan masyarakat secara keseluruhannya. Dalam pembangunan sektor pertanian, peruntukan atau perbelanjaan kerajaan kepada sektor pertanian lebih tertumpu kepada pembangunan fizikal infrastruktur seperti jalan, sistem pengairan dan tali air, subsidi input pengeluaran (seperti baja, racun dan benih) bagi tujuan peningkatan hasil padi. Di samping

itu juga, program mekanisma turut diberi penekanan melalui pembangunan mesin, traktor dan mekanisma yang lain bagi memodenkan lagi pengeluaran tanaman ini. Dalam sektor pertanian padi khususnya, program penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut diberi perhatian oleh kerajaan bagi mengeluarkan benih yang lebih bermutu, dan meningkatkan rangkaian pemasaran. Melalui program penyelidikan ini, peningkatan pengeluaran padi dapat dicapai meskipun keluasan tanaman berkurangan (Amin Mahir Abdullah, 2009).

Secara amnya pendapatan petani padi (di samping pendapatan dari sumber-sumber yang lain) adalah ditentukan oleh tiga faktor. Faktor-faktor tersebut ialah jumlah pengeluaran, kos pengeluaran dan harga padi. Oleh kerana harga padi adalah tetap (ditentukan oleh kerajaan) maka penentuan pendapatan adalah ditentukan oleh jumlah pengeluaran dan kos pengeluaran. Memandangkan kepada kadar kemiskinan yang tinggi di sektor padi maka pihak kerajaan telah memperuntukkan beberapa kemudahan bagi sektor ini. Antaranya termasuklah kemudahan infrastruktur, pengairan, skim pinjaman dan dua skim subsidi yang diperkenalkan secara besar besaran selepas tahun 80-an. Dua skim subsidi yang dimaksudkan ialah skim subsidi baja dan skim subsidi harga. Antara tujuan skim subsidi baja diberikan adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran yang ditanggung oleh petani di samping menambahkan jumlah pengeluaran padi. Manakala skim subsidi harga padi pula bertujuan untuk meningkatkan lagi harga padi di pasaran dengan harapan pendapatan para petani padi akan bertambah dan seterusnya dapat meningkatkan tabungan (Mohd Anuar Md. Amin, 1989).

Semenjak skim subsidi baja dilaksanakan secara besar besaran pada tahun 1979, pihak kerajaan telah memperuntukkan beratus juta ringgit bagi tujuan tersebut. Pada permulaannya iaitu tahun 1979, sebanyak RM51 juta ringgit telah diperuntukkan bagi skim subsidi baja. Pada tahun 1995, sejumlah RM61.5 juta telah dibelanjakan bagi program ini dan telah meningkat kepada RM116.4 juta pada tahun 2000 dan terus meningkat kepada RM267.3 juta pada tahun 2005. Perbelanjaan ini terus berlaku peningkatan di mana sebanyak RM399.2 juta telah dibelanjakan bagi program ini pada tahun 2010 dan berlaku sedikit pengurangan pada tahun 2013 menjadi RM340.8 juta (Amin Mahir Abdullah, Fatimah Mohamed Arshad dan Alias Radam, 2009).

Di samping itu, peruntukan yang besar juga telah dibelanjakan untuk melaksanakan skim subsidi harga. Pada tahun 1980 skim subsidi harga ini dimulakan, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM88.07 juta. Angka ini telah meningkat dari tahun ke tahun iaitu sebanyak RM200.93 juta (1985), RM332.34 juta (1990), RM387.37 juta (1995), RM428.52 juta (2000) dan RM439.84 juta pada tahun 2005. Dari segi agihan SSHP mengikut negeri pula, hampir separuh perbelanjaan atau subsidi telah dibelanjakan kepada negeri Kedah dan Perlis (kawasan pengairan Muda), iaitu menerima 50% dan ke atas skim subsidi harga padi antara tahun 1980 hingga 2015 (Amin Mahir Abdullah, Fatimah Mohamed Arshad dan Alias Radam, 2009).

Skim subsidi baja dan subsidi harga padi pada dasarnya bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup petani padi melalui pengurangan kos pengeluaran dan jaminan harga. Di samping itu, skim ini juga bertujuan untuk menggalakkan petani menambah pengeluaran bagi meningkatkan pendapatan petani padi disamping mencapai tahap sara diri yang telah disasarkan. Secara tidak langsung penambahan pengeluaran dapat mengganti import beras yang semakin meningkat di samping memenuhi matlamat Dasar Keselamatan Makanan Negara. Bermula pada 1980 hingga Jun 2009, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM9.7 bilion ke atas Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan antara tahun 1990 hingga 2008, sebanyak 2.4 bilion telah dibelanjakan ke atas Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SSBPKP) (Amin Mahir

Abdullah, 2009).

Walaupun hampir RM12 bilion telah diperuntukkan untuk menyediakan subsidi padi, tetapi jumlah pengeluaran padi negara hanya berkisar sekitar 2.2 hingga 2.3 juta tan metrik semenjak lima tahun yang lalu (tahun 2004 hingga 2008). Purata produktiviti pengeluaran padi juga tepu pada 3.4 hingga 3.6 tan metrik per hektar (Amin Mahir Abdullah, 2009). Pengairan Muda merupakan kawasan yang menerima peruntukan subsidi yang paling banyak iaitu hampir 50 peratus daripada keseluruhan subsidi yang diagihkan setiap tahun kerana kawasan ini merupakan jelapang padi terbesar negara. Walaubagaimanapun, pencapaian purata hasil padi di Kawasan Muda adalah masih rendah berbanding dengan kawasan penanaman padi utama yang lain di Malaysia (MADA, 2016). Memandangkan sejumlah wang yang sebegini besar telah diperuntukkan dan dilaburkan setiap tahun kepada sektor pertanian padi melalui skim subsidi padi dalam usaha membasmi kemiskinan serta mengurangkan kos pengeluaran bagi sektor ini sepatutnya diberi perhatian yang serius. Ianya bukan sahaja membebankan pihak kerajaan dari segi kewangan, malah memastikan agar pelaburan yang begitu besar ini benar-benar memberi manfaat kepada golongan petani padi khususnya serta memberi pulangan kepada kerajaan.

PERTANIAN PADI DI KAWASAN MUDA DAN ISU KEMISKINAN

MADA telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen pada 30 Jun 1970. Matlamat utama pembentukan MADA ialah berasaskan kepada aspek kemanusiaan dan komoditi iaitu meningkatkan kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk desa dan melebihkan hasil untuk keperluan negara. Pada peringkat awal penubuhan MADA, aktiviti tanaman padi di Kawasan Muda telah dilaksanakan secara tanaman padi dua kali setahun. Pada ketika itu, tanaman padi telah dilaksanakan secara intensif buruh, iaitu tenaga kerja manusia digunakan secara optimum dalam setiap aktiviti penanaman padi. Secara amnya, Kawasan Muda merangkumi dua buah negeri, iaitu negeri Kedah dan Perlis. Jumlah keseluruhan Kawasan Muda bagi dua buah negeri tersebut adalah seluas 126,155 hektar. Keluasan bagi negeri Kedah adalah seluas 105,851 hektar dan baki 20,304 hektar termasuk dalam negeri Perlis. Bagi aktiviti penanaman padi, keluasan tanaman padi di kawasan MADA adalah 96,558 hektar yang mana seluas 77,882 hektar atau 81 peratus terletak dalam di dalam negeri Kedah, manakala seluas 18,676 atau 19 peratus terletak di dalam negeri Perlis.

Terdapat dua konsep kemiskinan iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak ditakrifkan sebagai satu keadaan apabila pendapatan kasar bulanan tidak mencukupi untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang diukur berdasarkan tahap perbelanjaan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula ditakrifkan sebagai ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur dengan menggunakan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan pendapatan, antara kumpulan etnik dengan antara masyarakat bandar dengan luar bandar (Siti Hadijah Che Mat, 2015). Kadar kemiskinan dan pendapatan setahun di kawasan Muda adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Prestasi Pendapatan Setahun dan Kadar Kemiskinan

Tahun	Kadar Kemiskinan (%)	Pendapatan (RM)
70an	72	1,092
80an	35	3,561
90an	18	9,220
2000	4	16,204
2016	<1	30,319

Sumber: MADA (2017)

KAJIAN LETERATUR

Dalam pembangunan sektor pertanian, secara umumnya intervensi kerajaan dalam konteks pengeluaran makanan dapat diterjemahkan dalam dua komponen utama iaitu pembangunan institusi dan polisi harga. Perbelanjaan awam kerajaan dalam sektor pertanian lebih tertumpu kepada pembangunan fizikal infrastruktur seperti jalan, sistem pengairan dan tali air, subsidi input (seperti baja, racun dan benih) bagi tujuan peningkatan hasil padi. Di samping itu juga, program mekanisasi turut diberi penekanan melalui penggunaan mesin, traktor dan mekanisasi yang lain bagi memodenkan lagi pengeluaran tanaman ini. Program penyelidikan dan pembangunan turut diberi perhatian oleh kerajaan bagi meningkatkan benih yang bermutu tinggi, mempertingkat rangkaian pemasaran dan aktiviti pengembangan. Melalui program penyelidikan ini, pencapaian kadar sara diri dapat dicapai meskipun keluasan tanaman berkurangan (Ahmad Zubir Ibrahim et al, 2012).

Banyak kajian menjelaskan bahawa intervensi kerajaan seperti melalui penetapan harga, subsidi, penggunaan baja dan penggunaan teknologi memberi kesan positif ke atas pengeluaran padi atau bahan makanan. Shafique et al. (2007) menjelaskan wujud hubungan yang positif dan signifikan di antara harga gandum dan keluasan tanaman di Punjab. Kenaikan harga gandum sebanyak satu peratus akan meningkatkan 0.125 peratus kawasan tanaman. Dalam menentukan hubungan ini beliau dan rakan-rakan menggunakan kaedah *Ordinary Least Square* (OLS) dan *Error Correction Model* (ECM). Situasi ini menjelaskan bahawa kenaikan harga tanaman ini di pasaran secara tidak langsung akan menyuntik semangat dan motivasi kepada para petani untuk berusaha meningkatkan hasil pengeluaran. Hasil kajian juga mendapati keanjalan penawaran gandum tidak anjal bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Keanjalan harga sendiri jangka panjang masing-masing 0.53, 0.46, dan 0.49 bagi beras, kapas dan zon campuran.

Sementara itu, Vijayakumur et al. (2008) menggunakan data siri masa dalam persamaan linear ke atas pengeluaran jagung di Karnataka bagi tempoh 1985/86 hingga 2004/2005 mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara hasil pengeluaran jagung di Karnataka dengan harga komoditi. Peningkatan satu peratus harga komoditi berkenaan akan meningkatkan hasil pengeluaran jagung sebanyak 1.3 peratus. Pada masa yang sama pengeluaran jagung di kawasan ini turut mempunyai hubungan positif dengan penggunaan baja ke atas tanaman tersebut. Subaitha dan Athauda (2010) dalam kajian mengenai impak subsidi terhadap penggunaan baja dalam penanaman padi di Sri Lanka mendapati bahawa kos baja mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap penggunaan baja. Di samping itu, jumlah penggunaan baja yang rendah terhadap tanah yang subur memberikan hasil pengeluaran yang tinggi.

Dengan menggunakan model jangkaan Nerlovian, Mohamad & Khair (2008) mendapati terdapat hubungan negatif di antara harga komoditi kapas dan gandum pada tahun sebelumnya dengan keluasan dan pengeluaran tanaman kapas dan gandum di North West Frontier Province (NWFP) Pakistan bagi tempoh 1981/1982 hingga 2006/2007 dan 1991/1992 hingga 2007/2008. Anggaran teknik OLS mendapati hubungan yang positif dan signifikan antara pengeluaran gandum dan jumlah taburan hujan. Dalam empat persamaan tunggal Model Jangkaan Nerlovian, keanjalan jangka pendek dan jangka panjang pengeluaran gandum dan harga pasaran adalah 0.0139 dan 0.0274 serta taburan hujan adalah 0.1296 dan 0.2557 masing masing. Penentuan harga pasaran semata-mata tidak mencukupi, faktor hujan dan pengairan yang mencukupi dan tepat pada masanya telah dibuktikan sebagai input penting dalam mencapai pengeluaran gandum dan kapas dan sasaran keluasan di NWFP.

Molua (2010) turut menjelaskan bahawa perbelanjaan kerajaan dalam pengeluaran padi di Cameron menunjukkan hubungan positif dengan pengeluaran padi di negara berkenaan. Nilai keanjalan dianggarkan sebanyak 0.135, di mana peningkatan satu peratus dalam peruntukan kerajaan dalam komoditi padi akan meningkatkan pengeluaran padi sebanyak 0.135 peratus pada model keempat dan 0.115 pada model kelima. Anggaran menyimpulkan bahawa sektor beras bertindak balas kepada peningkatan harga kepada darjah tertentu dengan dilengkapi oleh sistem pengairan dan cuaca yang baik. Kajian beliau telah menyimpulkan bahawa sambutan bekalan pengeluar boleh dipertingkatkan dengan dasar yang tetumpu kepada menggalakkan teknologi pengairan, pembangunan infrastruktur penyokong pasaran, pakej insentif input dan pengurangan risiko pengeluaran.

Kajian yang dilakukan oleh Tey et al. (2010) ke atas pengeluaran padi di Malaysia dalam jangka masa 1961 hingga 2007 mendapat terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara peruntukan kerajaan dengan pengeluaran padi negara dalam tempoh berkenaan. Melalui Model Jangkaan Nerlovion (*Nerlovion Expected Model*) yang digunakan, didapati peningkatan satu peratus dalam peruntukan kerajaan dianggarkan akan meningkatkan hasil pengeluaran sebanyak 0.289 peratus dalam jangka masa pendek. Bagi tempoh jangka masa panjang dijangkakan hasil pengeluaran akan meningkat sebanyak 0.605 peratus dengan peningkatan satu peratus dalam peruntukan kerajaan.

Kajian oleh (Ismail Sulong, 1984) melihat kepada perbandingan keberkesanan program harga sokongan dan program subsidi baja untuk sara diri dalam pengeluaran beras di Semenanjung Malaysia. Dengan menggunakan model yang telah diubahsuai daripada kajian oleh Barker dan Hayami di Filipina, data sekunder dan maklumat kajian lepas telah digunakan bagi menentukan kos dan faedah bagi kedua dasar progam di dalam kajiannya. Hasil kajian mendapat bahawa skim sokongan harga lebih berkesan dan efektif serta telah meningkatkan pendapatan petani padi berbanding dengan skim subsidi baja. Dalam memastikan petani untuk meningkatkan output atau pengeluaran padi kepada tahap sara diri, harga padi mesti ditingkatkan sebanyak 43 peratus daripada harga minimum terjamin sebelumnya.

Mohd. Anuar Md. Amin (1989) mengkaji kesan skim subsidi padi terhadap pengeluaran, kos, pendapatan dan pengagihannya terhadap petani padi menjelaskan bahawa walaupun skim subsidi baja dan skim subsidi harga padi masing-masing berjaya untuk menambahkan pengeluaran padi dan pendapatan petani tetapi pengagihannya adalah tidak saksama. Disamping itu juga, pemberian subsidi baja tidak dapat mengurangkan jumlah kos pengeluaran secara total disebabkan oleh kenaikan kos input-input pengeluaran yang lain. Hasil kajian juga memperlihatkan pelaksanaan skim subsidi harga padi berupaya meningkatkan pendapatan golongan petani daripada RM1,231.66 kepada RM1,660.75 iaitu pertambahan sebanyak 429.09 atau kira-kira 35% sehektar semusim. Dapatkan kajian diatas jelas memperlihatkan kepentingan bantuan subsidi baja dan skim subsidi harga padi secara tidak langsung telah memberi kesan positif dari segi penambahan pengeluaran (mengurangkan kos pengeluaran) dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani padi. Skim subsidi harga telah meningkatkan pendapatan petani daripada RM1231.66 kepada RM1660.75 iaitu pertambahan sebanyak RM429.09 atau kira-kira 35% sehektar/semusim.

Kajian Amir Mahir Abdullah, 2009 mendapat penggunaan baja subsidi memberi impak yang positif kepada jumlah pengeluaran padi di Malaysia. Namun, baja subsidi tidak secara signifikan mempengaruhi jumlah pengeluaran padi. Keputusan kajian menunjukkan peningkatan 1 peratus bagi baja subsidi akan meningkatkan jumlah pengeluaran padi hanya 0.032 peratus

sahaja. Keputusan ini sememangnya telah dijangka kerana baja yang telah diberikan oleh kerajaan kepada para petani atau pesawah hanyalah sebahagian daripada jumlah baja yang diperlukan untuk pengeluaran padi. Sememangnya keperluan baja tambahan bagi memaksimumkan hasil padi seharusnya dibeli oleh petani itu sendiri. Namun begitu, belia mendapati kebanyakannya atau majoriti petani tidak membeli baja tambahan yang diperlukan tersebut.

Kajian lepas lain yang telah menunjukkan kepentingan skim subsidi harga padi dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan petani termasuklah kajian yang telah dijalankan oleh Fatimah Mohd. Arshad dan Mohd. Ghazali Mohayidin (1990). Mereka mendapati bahawa pelaksanaan skim subsidi harga padi memberi kesan yang besar terhadap pendapatan petani sebanyak 71.5% berbanding skim baja padi sebanyak 38.6%. Kajian oleh Radin Firdaus Radin Badaruddin (2014) mendapati bahawa sekiranya kerajaan memutuskan untuk menarik balik semua bantuan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP), kadar kemiskinan tegar akan meningkat sebanyak 2.22% dan kadar kemiskinan sebanyak 9.33% dalam kalangan petani di kawasan Muda. Dapatkan kajian menjerjaskan bahawa pentingnya SSHP yang diberikan oleh kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup petani padi.

Intervensi kerajaan seperti harga minimum terjamin, subsidi, dan subsidi harga bertujuan untuk melindungi pesawah/petani daripada ketidakstabilan harga dunia, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pesawah. Kajian yang telah dilakukan oleh Amin Mahir Abdullah et al. (2010) turut mendapati campur tangan tersebut telah membantu petani dan mengekalkan petani untuk terus mengusahan padi dan telah membolehkan industri pengeluaran padi untuk terus bertahan serta berdaya saing. Secara tidak langsung pernyataan ini menjelaskan bahawa industri padi negara telah dilindungi daripada ketidakstabilan pasaran dunia melalui perlindungan yang mendalam terutama kawalan harga dan pemberian subsidi harga dan baja.

Menurut Radin Firdaus Radin Badaruddin (2014), bagi kajian kes di MADA, Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) didapati menyumbang sebanyak 10.05% (RM221.71) daripada keseluruhan purata pendapatan petani di kawasan berkenaan iaitu sebanyak RM2,162.71 sebulan. Daripada sumber pendapatan petani padi di kawasan ini, pendapatan bukan pertanian (gaji, upah, berniaga dan sebagainya) turut menyumbang 12.47% (RM269.62) kepada keseluruhan pendapatan. Walaupun perubahan iklim tidak memberi impak ketara ke atas pengeluaran padi di kawasan Muda pada ketika ini, namun intervensi kerajaan melalui SSHP masih lagi diperlukan.

ANALISIS KUALITATIF KESAN SUBSIDI KAWASAN MUDA

Perbelanjaan kerajaan atau campur tangan kerajaan seperti harga minimum terjamin, subsidi dan subsidi harga bertujuan untuk melindungi pesawah daripada ketidakstabilan harga dunia, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pesawah. Kajian yang telah dilakukan oleh Amin Mahir Abdullah et al. (2010) turut mendapati campur tangan tersebut telah membantu sawah dan mengekalkan pesawah untuk terus menguruskan sawah dan telah membolehkan industri pengeluaran padi untuk terus bertahan serta berdaya saing. Secara tidak langsung pernyataan ini menjelaskan bahawa industri padi negara telah dilindungi daripada ketidakstabilan pasaran dunia melalui perlindungan yang mendalam terutama kawalan harga dan pemberian subsidi harga dan baja. Dalam konteks pengagihan subsidi harga dan baja,

majoriti golongan petani padi menikmati SSHP terdiri daripada petani di lapan kawasan jelapang padi di Semenanjung Malaysia. MADA yang terletak di utara Semenanjung Malaysia merupakan kawasan jelapang terbesar dengan keluasan tanaman 193,104 hektar dan bilangan petani seramai 55,130 orang serta menyumbang kira-kira 52% daripada jumlah pengeluaran kawasan jelapang (Lembaga Kemajuan Muda, 2010; Jabatan Pertanian Semenanjung, 2010).

Sokongan harga dan subsidi dalam sektor padi merupakan antara elemen dan ciri penting dalam pembangunan sektor padi negara. Selain daripada itu, subsidi turut berperanan sebagai sumber pendapatan kepada petani. Oleh yang demikian, wujud kebergantungan tinggi petani terhadap subsidi, dan sekiranya kerajaan menarik balik sokongan ini maka ia boleh menggugat penerusan aktiviti ini di masa depan dan penghidupan mereka. Daripada kajian survei yang dilakukan ke atas 362 orang petani, seramai 216 (59.7 peratus) menyatakan bahawa mereka akan tetap meneruskan aktiviti penanaman padi walaupun subsidi ditarik balik oleh kerajaan. Sementara itu, seramai 146 responden (40.3 peratus) menyatakan mereka tidak akan meneruskan aktiviti tanaman padi seandainya kerajaan menarik balik subsidi yang diberikan. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan keputusan yang agak mengejutkan kerana pendapatan petani padi banyak disokong oleh subsidi. Sebagai contoh, setiap satu tan padi yang dikeluarkan petani memperolehi subsidi sebanyak RM248.10 dan bermula pada tahun 2016, subsidi harga telah dinaikkan kepada RM300 bagi setiap tan metrik (Rospidah Ghazali dan Pazim Othman, 2011).

Sebagai salah satu kawasan jelapang padi utama dan penyumbang terbesar pengeluaran padi di dalam negara, kerajaan sama ada melalui bajet tahunan atau Rancangan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar kepada MADA bagi menjalankan program pembangunan untuk tujuan peningkatan hasil tanaman ini. Melalui peruntukan yang disalurkan secara tidak langsung pembangunan dan keperluan infrastruktur tanaman ini dapat ditingkatkan. Hasil kajian yang dilakukan mendapat bahawa dalam tempoh 30 tahun peruntukan pembangunan kerajaan kepada MADA bagi tujuan pembangunan dan pengeluaran tanaman ini mempunyai hubungan yang positif dan signifikan pada aras $p < 0.01$ ke atas pengeluaran padi di kawasan ini. Penemuan kajian ini menjelaskan bahawa dalam konteks meningkatkan hasil pengeluaran, intervensi kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung masih lagi diperlukan. Ini bermakna kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar lagi bagi memastikan keselamatan makanan negara ini terjamin. Daripada nilai keanjalan sebanyak satu peratus ke atas tanaman ini di kawasan ini akan meningkatkan hasil pengeluaran sebanyak 0.06 peratus dengan andaian semua faktor tidak berubah (Ahmad Zubir Ibrahim, 2012).

Penubuhan kawasan pengairan Muda bukan semata-mata untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin malah ia turut mengubah dan sekali gus meningkatkan taraf hidup para petani padi. Pembangunan kawasan pengairan Muda telah menunjukkan impak yang besar khususnya dalam konteks membasi kemiskinan dalam kalangan petani padi. Impak ini dapat dilihat melalui peningkatan hasil pendapatan para petani setiap tahun. Peningkatan pendapatan ini secara langsung turut menterjemahkan penurunan kadar kemiskinan dalam kalangan petani padi di kawasan ini. Kejayaan program pembangunan kawasan pengairan ini telah menunjukkan usaha dan hasrat kerajaan telah tercapai.

Walaupun mengambil masa lebih 30 tahun untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan petani, hakikatnya usaha kerajaan pada awal tahun 1970 an dalam membangunkan kawasan ini membuktikan satu pelaburan jangka masa panjang kerajaan telah menampakkan hasil kejayaan. Kadar kemiskinan turut menunjukkan kadar penurunan yang

drastik tahun demi tahun. Penurunan kadar kemiskinan dalam kalangan petani padi di kawasan ini agak ketara pada tahun 2000. Lebih membanggakan lagi, kemiskinan tegar telah berjaya dikurangkan dan dihapuskan pada tahun 2009.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara amnya tujuan kertas kerja ini adalah untuk menganalisa keberkesanannya impak skim subsidi padi yang telah diberikan oleh kerajaan ke atas pengeluaran sektor pertanian padi serta kesejahteraan kehidupan para petani. Kertas kerja ini adalah bersifat kualitatif dan analisa dibuat berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Kajian ini penting bagi memastikan pelaburan kerajaan yang amat besar jumlahnya berbentuk subsidi kepada petani padi benar-benar memberi kesan positif kepada kedua belah pihak sama ada pihak petani mahupun pihak kerajaan serta bekalan beras negara. Hal ini penting bagi memastikan pengeluaran padi yang bermutu tinggi dalam memastikan keselamatan makanan negara terjamin di samping menjaga kebajikan para petani padi di Malaysia amnya. Pelbagai pendekatan yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam usaha memastikan pengeluaran padi mencapai sasaran dengan menyediakan subsidi atau insentif pertanian bagi mengurangkan kos pengeluaran yang perlu ditanggung oleh petani sekaligus dapat membolehkan petani meloloskan diri mereka daripada kelompok kemiskinan. Pendekatan yang diambil oleh kerajaan ini merupakan serampang dua mata iaitu bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan Muda dan jelapang padi yang lain, pada masa yang sama berupaya meningkatkan taraf hidup golongan petani padi.

RUJUKAN

- Ahmad Zubir Ibrahim dan Chamhuri Siwar (2012). *Kawasan Pengairan MUDA: Merentasi Masa Menyayangga Keselamatan Makanan Negara*. Jurnal Pengurusan Awam.
- Ahmad Zubir Ibrahim, Chamhuri Siwar, dan Rospidah Ghazali (2012). *Perubahan Iklim dan Intervensi Kerajaan: Impak ke Atas Pengeluaran Padi di Kawasan Muda, Kedah*. Prosiding PERKEM VII, Jilid 1, 227-290.
- Amin Mahir Abdullah (2009). *Kajian Impak Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Skim Subsidi Harga Padi*. Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia.
- Amin Mahir Abdullah, Fatimah Mohamed Arshad dan Alias Radam (2009). *Kajian Impak Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SSBPKP) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)*. Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan. Universiti Putra Malaysia.
- Fauzi Hussin (2009). *Impak Pelaburan dan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi: Kajian Kes Negeri-Negeri di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Ismail bin Sulong (1984). *A Comparative Study of the Effectiveness of Price support and Fertilizer Subsidy Programmes for Self-Sufficiency in Rice Production in Peninsular Malaysia*. Master Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (2010). *Buku Perangkaan MADA 2009*. ALor Setar: Bahagian Perancangan Teknologi dan Maklumat, MADA.

Md. Zaidi Md. Tahir (1995). *Pengenalan Perbelanjaan Awam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Mohd. Anuar Md. Amin (1989). *Subsidi dan Kesannya ke atas Petani Padi*. Jurnal Ekonomi Malaysia, 19, 17-30.

Radin Firdaus, Ahmad Zubir Ibrahim, Chamhuri Siwar dan Abdul Hamid Jaafar (2014). *Penghidupan Petani Padi Dalam Mendepani Cabaran Perubahan Iklim: Peranan Intervensi Kerajaan Menerusi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)*. Kajian Malaysia, Vol. 32, No. 2, 73-92.

Shafique Mohammad, Muhammad Siddique Javed, Bashir Ahmad & Khalil Mushtaq (2007). *Price and Non Price Factors Affecting Acreage Response of Wheat in Different Agro-ecological Zones in Punjab: A Co-intergration Analysis*, Pak.J Agri Sci, Vol.44(2): 370-376.

Siti Hadijah Che Mat (2015). *Kemiskinan: Isu Pendapatan dan Program Pembasmian*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Univeriti Utara Malaysia. Sintok.

Vinayakumar B.K, Karnool N.N., Kunnal L.B., Basavaraj H.,& Kulkarni V. (2008) *Supply Response of Rice and Maize in Kartanaka Pre and Post WTO*, Kartankar J. Agric.Sci, 21(4): 535-537.